



Headline: Tindakan putuskan panggilan selamatkan wanita daripada jadi mangsa penipuan Language: Malay
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak) Section: Nasional
Date: 25 January 2019 Page: 13

Tindakan putuskan panggilan selamatkan wanita daripada jadi mangsa penipuan

SIBU: Tindakan memutuskan panggilan telefon menyelamatkan seorang wanita daripada menjadi seorang lagi mangsa sindiket penipuan 'Macau Scam' ketika dihubungi seorang wanita dipercayai suspek kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gan Abdullah berkata, pengadu 37, bertindak bijak kerana berjaya menghidu cubaan suspek yang cuba memperdayakannya.

"Pengadu dimaklumkan dia mempunyai sebuah syarikat di Pulau Pinang dan mempunyai Cukai Perkhidmatan Kerajaan (GST) sebanyak RM51,700.00.

"Pada 23 Januari, pengadu memaklumkan kepada suspek bahawa beliau tidak mempunyai mana-mana syarikat yang didaftarkan di atas namanya," katanya.

Katanya, suspek telah meminta butiran kad pengenalan daripada mangsa untuk membuat semakan dan mangsa telah memberikar butiran kad pengenalanya.

"Namun pengadu enggar meneruskan perbualan lalu memutuskan panggilan telefon kerana mengesyaki suspek cuba untuk menipunya.

"Bimbang identitinya disalahgunakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab, pengadu tampil membuat laporan polis," katanya sambil memberitahu pengadu tidak mengalami sebarang kerugian.

Mustafa berharap orang ramai supaya mencontoh langkah pengadu tersebut dan sentiasa berwaspada agar tidak mudah terpedaya dengan muslihat atau tipu helak mereka yang mencurigakan